



PERAKUAN PENGGUNA RANGKAIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI MPOB DI ABBC

Adalah saya, (No. Kakitangan:) dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah dirujuk kepada peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta tersebut. Khususnya saya difahamkan bahawa segala penyampaian, penggunaan, penyimpanan tanpa kebenaran; atau tidak menjaga sesuatu rahsia, atau apa-apa tindakan yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan adalah satu kesalahan yang boleh dihukum pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun.

Saya juga difahamkan bahawa segala maklumat rasmi yang saya peroleh merupakan hak milik mutlak Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan tidak akan dibocorkan, disiarkan atau disampaikan sama ada secara lisan atau bertulis, kepada sesiapa pun, dalam apa jua bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan rasmi di MPOB.

Saya juga faham dan akur kepada peraturan-peraturan berikut:

- Semua data dan maklumat MPOB serta hasil penyelidikan saya di MPOB adalah hak milik mutlak MPOB, dan hanya boleh digunakan untuk projek-projek penyelidikan MPOB atau semasa menjalankan kewajipan saya di MPOB;
- Saya tidak akan salah guna infrastruktur dan rangkaian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) MPOB untuk aktiviti-aktiviti yang salah dari segi undang-undang Malaysia, termasuk dan tidak terhad kepada muat-turun filem dan lagu yang mempunyai perlindungan hak-cipta;
- Saya akan menggunakan amalan terbaik semasa menggunakan maklumat, data dan perisian di sistem pelayan dan infrastruktur Bilik Pelayan OPGP untuk mengelakkan pendedahan (*disclosure*) atau penggunaan yang tidak dibenarkan (*unauthorized use*).

Bagi komputer peribadi saya dan milik MPOB yang disambung pada rangkaian ICT MPOB, saya akan memastikan bahawa:

- Patch* keselamatan terbaru untuk sistem pengendalian komputer (OS), seperti Microsoft Windows adalah sentiasa dikemaskini;
- Perisian *antivirus* yang mempunyai definisi virus terkini telah dipasang di komputer-komputer tersebut;
- Perisian-perisian P2P seperti BitTorrent, LimeWire, Kazaa, Gnutella dan ANts TIDAK dipasang di komputer-komputer tersebut.

Disaksi oleh:

Tandatangan	:	Tandatangan Ketua Kumpulan	:
Nama	:	Nama	:
Jawatan	:	Nama Kumpulan	:
Tarikh	:	Tarikh	:

Diluluskan oleh (Tandatangan dan Cop):

Ketua Unit	:	Tarikh	:
Pengarah Bahagian	:	Tarikh	:

UNTUK KEGUNAAN PENTADBIRAN SAHAJA:

Nama : Tarikh Terima: